

Banyak dalam satu



DUNIA
BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHD

Biasa tengok katil yang boleh ditukar menjadi meja tulis, meja makan, rak pinggan, almari pakaian, ampaian, sampan dan keranda?

Bagaimana dengan peti sejuk yang turut berfungsi sebagai televisyen, peti sejuk, mesin basuh, mesin jahit, mesin fotostat, penyedut hampagas dan pendingin hawa?

Tentu sahaja belum kerana setakat ini belum ada sesiapa yang mereka ciptanya. Tetapi suatu masa nanti, pada era anak atau cucu kita, katil serba guna dan peti sejuk bermacam-macam dalam satu itu mungkin telah menjadi barangan biasa yang boleh dibeli di mana-mana dan tidak lagi dijeling-jeling oleh jiran tetangga. Kalau bukan katil dan peti sejuk pun mungkin barangan lain, yang setiap satunya mempunyai puluhan fungsi.

Kita sedang menuju ke arah itu.

Pada masa dahulu kesemua barangan dan peralatan secara umumnya berfungsi tunggal. Jika radio, maka fungsinya adalah sebagai radio semata-mata. Kalau mesin taip kegunaannya adalah untuk

menaip dan bukan lain daripada itu. Sekiranya ada kegunaan lain bagi sesuatu peralatan itu, ia hanyalah secara sampingan bukannya menjadi sebahagian daripada tujuan asal pembuatannya. Contohnya katil, ia dibuat bagi digunakan sebagai tempat tidur. Namun pada masa yang sama bahagian bawahnya boleh juga dijadikan 'stor' atau tempat membiakkan tikus. Demikian pulalah dengan senduk, selain berfungsi sebagai alat untuk menceduk ada orang menjadikannya alat untuk mengetuk kepala pasangan atas sebab-sebab yang hanya mereka berdua sahaja yang tahu.

Manusia secara semula jadinya dilahirkan dengan rasa tidak puas hati. Mereka sentiasa mahu meneroka sesuatu yang baharu atau sedikit-tidaknya menambah baik apa yang ada. Perasaan itulah, apabila diadun dengan kemajuan ilmu dan pengalaman, di samping kreativiti yang tidak berkesudahan, menjadi penyebab kepada kemunculan produk-produk berasaskan konsep dua dalam satu, tiga dalam satu dan sebagainya.

Faktor pendorong lain di sebalik kemunculan produk-produk itu pada dasarnya adalah dua perkara; untuk memudahkan kehidupan dan untuk membuat keuntungan daripada kemudahan itu. Pun begitu tidak dinafikan ada juga pencipta produk-produk tersebut yang menghasilkannya kerana minat semata-mata tanpa mengharap apa-apa imbuhan material. Tetapi jumlah

mereka sangat sedikit, ibarat duit dalam akaun pada hujung bulan.

Sekarang ini produk multi fungsi telah diterima sebagai sebahagian daripada keperluan kehidupan. Kalau dahulu kita berasa cukup hebat jika dapat memiliki pen bermata dua – satu merah dan satu biru atau hitam – atau jam tangan yang dilengkapi 'alarm', kini produk seperti itu hanya layak ditempatkan di arkib. Ia tenggelam dalam lambakan pelbagai produk lain yang lebih hebat dan lebih pelbagai fungsinya.

Contoh yang paling dekat tentu sahaja telefon pintar kita. Fungsinya tidak lagi sekadar untuk membuat atau menerima panggilan. Ia juga adalah kamera, stor penyimpanan maklumat, perakam suara, kalkulator, peta, alat kawalan jauh dan serba-serbi lagi. Di dapur pula telah ada periuk yang berfungsi sebagai alat untuk mengukus, memanggang, menumis, menggoreng, membakar, merebus dan pelbagai 'me' yang lain.

Tidak dapat dinafikan bahawa semua itu telah memudahkan lagi hidup kita. Banyak masa dan wang ringgit yang dapat diijmakan. Secara tidak langsung ia juga menjadikan kehidupan lebih ringkas dan teratur.

Tetapi di sebalik itu, kehadiran produk-produk pelbagai fungsi itu juga telah mempengaruhi kehidupan kita secara keseluruhan. Dengan kemudahan yang disediakan oleh peralatan-peralatan itu kita boleh melakukan banyak perkara

secara bersendirian. Jadi sedar tidak sedar kita turut membentuk diri menjadi manusia pelbagai fungsi. Kita boleh membuka syarikat tanpa memerlukan kakitangan, kita boleh menjadi pengarah filem dengan kita sendiri menjadi penulis skrip, penulis lakon layar, jurugambar, jururakam, penyunting dan serba-serbi yang lain. Soal sama ada pada akhirnya mungkin hanya kita sendiri yang minat filem itu tidaklah penting, yang penting kita boleh melakukannya.

Dari satu sisi menjadi manusia multi fungsi banyak kebanyakannya. Namun keburukannya juga tidak sedikit. Hodohnya datang apabila seseorang itu serba boleh, serba hebat, sarat dengan 'superiority complex' sehingga berkemungkinan meremehkan peranan orang lain.

Selain itu multi fungsi juga boleh menyebabkan seseorang mudah hilang fokus. Dan inilah yang banyak terjadi pada generasi kita sekarang. Berbanding dengan generasi dahulu, yang lebih fokus pada apa yang dilakukan kerana kebolehan mereka terhad, generasi kini mempunyai terlalu banyak perkara untuk dilakukan. Sebab itu jangan hairan kalau sewaktu bekerja mereka berpolitik, sewaktu berpolitik, mereka berniaga....#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang setiausaha politik dan juga bekas wakil rakyat.*

Di simpang-simpang hidup



MAAF
CAKAP

NORDEN MOHAMED

Kira-kira 10 hari saja lagi, tahun 2022 akan berlalu. Syukur alhamdulillah kerana kita yang sedang membaca tulisan ini masih diberikan nafas oleh-NYA. Kita sedang menapak menuju sinar di jalan-jalan yang berliku. Semalam telah tenggelam dalam lipatan selekoh sejarah peribadi.

Di sepanjang hayat ini kita sentiasa menemui manusia. Ibu bapa, adik beradik, saudara-mara, rakan dan sahabat. Malah kita juga menemui musuh, sama ada yang kita cari mahupun yang melintas atau mendatangi hidup kita.

Ajaibnya kehidupan ini. Apa yang tidak kita terfikir akan terjadi pada kita telah kita harungi. Susah dan senang, kaya dan miskin, sukar dan mudah sudah, serta sedang kita lalui. Semua itu membentuk karakter kita menjadi manusia yang lebih kental atau sebaliknya. Semuanya itu juga bergantung kepada

cara kita menyerap cabaran itu.

Bukan sahaja kita yang berdepan dengan segala cabaran hidup. Mereka di sekeliling kita juga menghadapi ujian dalam pelbagai bentuk. Pokoknya, apakah halangan itu diatasi, dielak, didasari atau ditembusi? Semoga halangan itu tidak menjadikan mereka buntu kerana menghantuk-hantuk kepala di tembok ujian hingga hilang daya. Akhirnya mereka menggelongsor tidak mahu bergerak kerana enggan bangun lagi.

Hidup ini punyai banyak persimpangan. Dan persimpangan itu membelok ke jalan yang tersendiri buat kita. Sama ada ia denai, lorong, jalan atau lebuh raya, semua jenis jalan itu akan kita lalui. Jenis-jenis jalan itulah yang akan membentuk diri kita.

Pada asalnya kita ini dilahirkan sama keadaannya. Kesemua kita lahir dalam keadaan telanjang dan mennganis. Itulah jalan hidup yang pertama kita. Sama ada kita dilahirkan dalam keluarga yang kaya raya atau miskin, kita tidak perlukan apa-apa selain dari susu, bedong dan belaian. Kita mula memasuki laluan yang berbeza apabila kita memasuki tadika dan seterusnya ke sekolah. Pembelajaran dan pergaulan di situlah yang membentuk perilaku kita. Kemudian, bila kita akil ba-

ligh, kita mula berubah cara berfikir kerana perubahan hormon yang turut mengubah fizikal kita.

Tindak tanduk kita berubah menurut bahan bacaan, tontonan, pergaulan dan ajaran yang diterima. Apabila kita melanjutkan pelajaran dan mula bekerja, itu juga satu lagi persimpangan hidup yang turut mengubah diri. Kita mungkin berkelulusan tinggi tetapi bekerja dengan gaji rendah, atau tiada kelulusan tinggi tetapi punyai pendapatan yang tinggi daripada mereka yang berkelulusan ijazah. Itu semuanya mengubah kita.

Perkahwinan juga akan mengubah haluan hidup kerana simpangnya turut berbeza. Walau apa pun keadaan kita, pasangan kita itulah yang akan mengubah peribadi kita. Yang belum berkahwin pun turut berubah dari segi persahabatan. Tetapi tanggungjawab pada diri dan keluarga khususnya ibu bapa tetap berubah kerana dahulu mereka menjaga kita, kini kita menjaga mereka pula.

Banyak yang kita dapat dalam hidup ini sama ada pendidikan, persahabatan, harta dan pangkat. Banyak juga yang kita hilang dan ia memberi kesan pada diri lebih-lebih lagi bila kehilangan mereka yang dikasihi.

Kerana apa yang kita lalui itu berubah-ubah, kita juga berubah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan. Malah kita pada hari ini tidak sama dengan kita yang semalam; juga kita pada hari esok.

Justeru, janganlah hairan dan berasa hati seandainya mereka yang kita kenali luar dan dalam selama ini sudah berubah dari kali akhir kita menemuinya. Jika dia kelihatan hidung tinggi, barangkali dia bukan dirinya yang kita kenal dahulu.

Jika dia menjadi orang yang begitu tawaduk berbanding dengan 'si samseng sekolah,' jangan hairan dengan perawakannya. Barangkali dia telah lalui jalan-jalan sukar berbanding kita yang sentiasa bertuah bergerak di atas lebuh raya kehidupan.

Yang penting pada hakikatnya, tiada istilah 'happily ever after' di dunia ini untuk semua kita seperti di dalam kisah dongeng. Jadi, walau apa pun jalan dan persimpangan hidup yang kita lalui, biarlah kompas kita tetap tidak berpaling arah. Sama-sama kita doakan *happily ever after* di dunia yang satu lagi; bukan mengalami *agony ever after*!

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*